

yang diharap-harapkan oleh penyelidik. Ini sudah tentu menghampakan, padahal ianya bukan disebabkan oleh keadaan populasi dalam kajiannya, tetapi kerana pemilihan hipotesis yang tidak sesuai. Kedudukan ini memang berlaku jika statistik ujian yang dipilihnya adalah saksama.

Sebaliknya pula, faktor risiko harus diambil kira. Hipotesis nul yang tertolak padahal ianya benar mengakibatkan risiko. Di antara kedua-dua hipotesis itu, risiko sedemikian yang manakah lebih padah mesti difikirkan.

Pendeknya, walau pun sifat atau ciri yang tersurat itu hanya Maha Pencipta sahaja yang mengetahui, dalam usaha kita untuk mengenali ciptaanNya itu, setiap di antara cirinya hendaklah dikaji seboleh-bolehnya. Kita membuat penafsiran sesuatu penyelidikan di sekitar kekangan atau batasan pencirian itu. Orang lain yang cuba mencari manfaat daripada kajian itu akan juga menyedari tentang kekangan penemuan sesuatu penyelidikan itu. Langkah yang serupa juga telah dilakukan dengan penentuan hipotesis. Kita tidak mengetahui yang tepat di antaranya, tetapi kita telah dapat mengenali batasnya jika ia salah, dan juga apabila ia betul.

RUJUKAN

- LEHMANN, E.L., *Testing Statistical Hypotheses*, New York: John Wiley, 1959 (Chp. 3).
- MURDICK, R.G. and Cooper, D.R., *Business Research – Concepts and Guides*, Columbus: Grid Publ., 1982.
- RAO, C.R., *Linear Statistical Inference and its Applications*, New York: John Wiley, 1973 (Chp. 7).
- STEEL, R.G.D. and Torrie J.H., *Principles and Procedures of Statistics*, New York: McGraw-Hill, 1960.